



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|------|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | |
| TARIKH | : | 31/3/2019 | MUKA SURAT | : 20 |
| JABATAN | : | JMG / SPATR | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

720 orang asli terima air bersih

C A M E R O N HIGHLANDS - Masyarakat orang asli di daerah ini, menarik nafas lega apabila menerima seunit sistem kemudahan bekalan air paip dibawah Projek Pembinaan Sistem Bekalan Air Tanah Ringkas (SPATR), di sini, kelmarin.

Kemudahan itu dinikmati seramai 720 penduduk di tiga kampung iaitu Kampung Sungai Tiang, Kampung Chohong dan Kampung Sungai Kabuk

yang merupakan penempatan tradisional masyarakat Orang Asli di daerah berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Datuk Ajiis Stin berkata, masyarakat orang asli kini tidak perlu risau, kerana sumber air bersih kini mudah diperolehi mereka menerusi projek terbabit.

(JMG) yang mempunyai pengalaman menggunakan sistem itu. "Ketua pemuliharaan satu unit telaga lama yang siap sepenuhnya akhir tahun lalu dan saya percaya kemudahan berkenaan membawa lebih keselesaan kepada penduduk di tiga kampung berkenaan", katanya dalam satu kenyataan.

Kelmarin, beliau merasmikan Majlis Penyerahan Projek SPATR di Kampung Orang Asli Sungai Tiang, di sini, kel-



Ajis (tiga dari kanan) melihat bekalan air bersih Projek SPATR, di sini, kelmarin.

marin. Turut hadir Ketua Pengarah JMG Datuk

Shahar Effendi Abdullah dan Pengarah JAKOA Pahang, Johari Alwi.